

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 17MAC 2016

RUJUKAN : 8606

SOALAN:

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa Kerajaan telah menunggu sehingga Disember 2015 untuk mengesahkan bahawa rekod-rekod imigresen Altantuya Shaariibuu yang dibunuh, masih ada di dalam sistem, dan tidak dipadamkan seperti didakwa 8 tahun dahulu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menyiasat pendaftaran keluar masuk mendiang Altantuya Shariibu melalui Jabatan Imigresen dan mendapati terdapat rekod pergerakan dalam sistem. Rekod berkenaan menjadi dokumen dalam perbicaraan dan tiada keperluan untuk didedahkan kepada umum selagi kes tersebut masih dalam perbicaraan kerana dikhuatiri boleh menjelaskan perbicaraan. Pendedahan hanya dibuat setelah kes tersebut selesai dibicarakan di Mahkamah Persekutuan.

SOALAN (43)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 17 MAC 2016
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilakah Mahkamah Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata Zon Utara Pulau Pinang di Tingkat 8 Bangunan Mara akan mulai digunakan. Bagaimana menentukan sama ada kes-kes tertentu akan diadakan pendengarannya di Mahkamah TPPS tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) mempunyai mahkamah di Kepala Batas, Pulau Pinang. Bagi menampung keperluan mahkamah yang sedia ada dengan berkuatkuasanya Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] pada 1 Jun 2015 dan Tribunal Perumahan Pengurusan Strata (TPS) yang mula beroperasi pada 1 Julai 2015, pihak TPPS telah mencadangkan supaya mewujudkan mahkamah tambahan di Pulau Pinang. Mengikut perancangan TPPS, Mahkamah TPPS di Arked Mara, Pulau Pinang akan mula beroperasi pada bulan Mei 2016.

Kes-kes yang akan didengar di mahkamah tersebut adalah kes-kes mengenai pemajuan perumahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Perlesenan) 1966 [Akta 118] dan pengurusan strata di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] yang berlaku di Negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Kes-kes tersebut didaftarkan di pejabat TPPS Zon Utara di Kepala Batas, Pulau Pinang atau di ibu pejabat

di Putrajaya dan boleh didengar di mahkamah di Pulau Pinang mengikut kesesuaian kes.

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Mac 2016